



MINISTRY OF TRANSPORT

TEKS UCAPAN PERASMIAN PROJEK INFRASTRUKTUR LANDASAN KERETAPI BERKEMBAR LEMBAH KLANG – KLANG VALLEY DOUBLE TRACK (KVDT)

20 APRIL 2017 (KHAMIS)

Tuan-tuan, puan-puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

Selamat pagi, Salam Sejahtera dan Salam “Negaraku”.

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran hadirin semua pada pagi dalam Majlis Perasmian Projek Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Lembah Klang atau KLANG VALLEY DOUBLE TRACK (KVDT).
 2. Saya juga amat berbesar hati dapat berada di majlis ini kerana kita akan menyaksikan satu lagi pencapaian ataupun milestone di dalam sektor pengangkutan awam negara dalam waktu negara kini sedang mengalami transformasi besar-besaran.
 3. Projek infrastruktur pengangkutan awam berskala besar ini telah direncana dan dilaksanakan untuk menambah kapasiti pada rangkaian pengangkutan awam. Inisiatif turut tertumpu ke arah peningkatan kecekapan dan keandalan perkhidmatan yang sedia ada.
 4. Justeru, projek KVDT yang dilaksanakan ini adalah tepat dan kena pada masanya kerana ia menjadi complement kepada transformasi pengangkutan awam terutama di kawasan lembah klang.
 5. Untuk pengetahuan semua, projek menaik taraf infrastruktur landasan keretapi berkembar elektrik di Lembah Klang ini telah pun bermula pada tahun lalu dan ianya dijangka siap pada akhir tahun 2019.
 6. Projek yang meliputi kerja membaik pulih landasan sepanjang 42KM antara Rawang ke Salak Selatan dan Sentul ke Simpang Batu ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan keretapi, terutama untuk keretapi komuter dan ETS (Electric Train Set) bagi kemudahan semua rakyat Malaysia.
 7. Selain itu, projek ini juga melibatkan kerja-kerja menaik taraf 16 stesen di sepanjang laluan tersebut termasuk sistem persemboyanan dan sistem eletrifikasi sedia ada yang kini sedang giat dilaksanakan.
- Hadirin sekalian,
8. Negara kita kini berada pada landasan yang tepat untuk mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar (UPT) bertaraf dunia yang lengkap dan andal.
 9. Wawasan 2020 dan kesinambungannya, Transformasi Nasional 2050 (TN50) mensasarkan bandar yang disokong oleh sistem pengangkutan awam yang cekap dan dapat diakses dengan mudah oleh pengguna.
 10. Justeru itu, penaiktarafan ini adalah selaras dengan komitmen berterusan kerajaan untuk mempromosikan dan merencanakan sistem pengangkutan awam seperti yang terkandung dalam agenda transformasi kerajaan.

11. Ini terutamanya bagi sistem pengangkutan yang menggunakan rel sebagai pilihan pengangkutan yang sistematik, mesra alam, boleh dipercayai dan selesa kepada rakyat Malaysia.

12. Kita semua sedia maklum akan transformasi pengangkutan yang sedang kita laksanakan kini.

13. Menyedari hakikat bahawa sistem rel bandar terutama di Lembah Klang perlu dipertingkatkan, Kerajaan telah menyuntik pelaburan bernilai RM32 bilion untuk pembinaan projek MRT Laluan 1 Sungai Buloh ke Kajang.

14. Sementara itu, MRT Laluan 2 yang menghubungkan Sungai Buloh dengan Putrajaya yang dijangka bakal siap pada suku kedua 2022 akan memberi manfaat kepada lebih 2 juta penumpang.

15. Kedua-dua laluan MRT ini sudah semestinya akan memainkan peranan yang amat signifikan dalam usaha melegakan kesesakan lalu lintas di kawasan Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang.

16. Dengan perkhidmatan rel bersepadu sebagai tunjang utama rangkaian pengangkutan awam, Kerajaan turut berusaha meningkatkan kesalinghubungan penduduk menerusi pelbagai inisiatif termasuk penambahbaikan perkhidmatan KTM Komuter, LRT Kelana Jaya dan Projek Pelanjutan LRT (LEP) yang telah pun beroperasi dan memberi manfaat besar kepada penduduk di sekitar Lembah Klang.

17. Oleh yang demikian, dalam mencapai hasrat dan aspirasi kerajaan ini, perkhidmatan KTM terus dipertingkatkan dengan pembelian set tren baharu dan penambahbaikan kekerapan perkhidmatan.

18. Penumpang kini dapat menikmati peningkatan headway daripada 30-45 minit kepada hanya 15 minit bagi KTM Komuter, dengan prestasi ketepatan masa pada waktu puncak pagi adalah sebanyak 95 peratus.

19. Sememangnya projek KVDT ini begitu penting dan dekat di hati saya kerana melaluinya kita dapat meningkatkan headway dari 15 minit pada ketika ini kepada hanya 7.5 minit setelah ianya siap sepenuhnya dalam tahun 2019.

20. Ini boleh dikategorikan sebagai hampir kepada 'Metro' Standard yang setara dengan perkhidmatan LRT dan MRT.

21. Saya gembira dengan kemajuan projek ini yang berjalan dengan begitu lancar termasuk beberapa kerja menaik taraf 16 stesen KTM serta sistem isyarat dan elektrik untuk rangkaian keseluruhan KTM yang kini sedang giat dilaksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

22. Projek-projek pemerkasaan rangkaian pengangkutan awam termasuk projek KVDT yang kita lancarkan pada hari ini bukan sahaja bakal menjadi kemudahan kepada orang awam semata-mata.

23. Ianya juga begitu penting dalam menyokong pertumbuhan industri logistik negara yang kita harapkan akan menjadi salah satu penyumbang signifikan kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

24. Kementerian Pengangkutan selaku kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan sektor logistik kini sedang giat melaksanakan inisiatif bagi menjadi hasrat kerajaan untuk Malaysia sebagai hab logistik di rantau Asia satu kejayaan.

25. Saya amat gembira dengan kejayaan kumpulan kerja logistic yang ditubuhkan yang telah mencapai prestasi 85% bagi fasa pertama pelan induk logistik negara, dengan sokongan dari pelbagai Kementerian seperti MITI, MOF dan Kementerian Sumber Manusia.

26. Oleh yang demikian, dengan adanya jaringan dan rangkaian pengangkutan yang baik, sudah tentu industri logistik dapat bergerak dengan lebih cekap, efisien dan lancar dan ini akan membolehkan Malaysia bersaing dengan negara-negara maju dalam industri logistik global.

Hadirin sekalian,

27. Kerajaan amat yakin projek menaik taraf infrastruktur keretapi berkembar elektrik di lembah kelang ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh masa yang direncanakan.

28. Saya juga cukup yakin sebagai syarikat tempatan yang mempunyai kemahiran, kepakaran dan pengalaman dalam menjayakan projek ini, kita bukan sahaja boleh berbangga dengan kejayaan projek yang bakal memberi manfaat tidak terhingga kepada pengguna, malah kita dapat menonjolkan kemahiran anak tempatan dalam mengurus dan melaksanakan projek besar seperti ini.

29. Saya juga amat gembira apabila dimaklumkan bahawa projek ini memberi peluang pekerjaan bukan sahaja kepada golongan pakar and professional tetapi juga memberi peluang pekerjaan kepada golongan belia terutama jurutera-jurutera muda untuk menimba pengalaman dalam bidang ini.

30. Ini selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri yang mahu melihat golongan belia tempatan bersama-sama menyumbang dalam pertumbuhan dan pembangunan negara yang menjadi teras TN50.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

31. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kerajaan komited dalam memberikan kemudahan yang terbaik kepada rakyat Malaysia.

32. Dengan demikian, segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan termasuk projek ini adalah untuk memastikan kemudahan pengangkutan yang dibangunkan ini dapat dinikmati dengan baik sejajar dengan pembangunan negara.

33. Sesungguhnya dalam usaha berterusan kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti pengangkutan awam dalam negara, sudah semstinya terdapat berbagai-bagai cabaran untuk mencapai aspirasi murni ini.

34. Kerjasama yang lebih erat antara badan-badan Kerajaan dan badan bukan Kerajaan dalam ekosistem pengangkutan awam amatlah penting dalam memastikan manfaat dan faedah kesemua inisiatif ini dapat dirasakan oleh rakyat.

35. Oleh itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam projek ini dan berharap usaha yang demikian akan terus dijadikan sebagai asas transformasi sistem pengangkutan di Malaysia.

36. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak, agensi kerajaan dan lain-lain yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung kepada projek "Klang Valley Double Track" – KVDT ini.

37. Maka dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Projek Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Lembah Klang (KVDT).

Sekian, terima kasih.